

JANGAN GUNAAN CAMIAN

UM - 4 SEPT 1980

KUALA LUMPUR 3 September — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pemimpin kesatuan sekerja supaya jangan menggunakan ancaman dalam memperjuangkan tuntutan mereka, tetapi menyelesaikannya secara perundingan dengan pihak pengurusan.

Timbalan Perdana Menteri telah mengulas katadua Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan (TWU), Encik V. David di Ipoh baru-baru ini bahawa kesatuan itu akan menimbang untuk melancarkan tindakan perusahaan, termasuk mogok jika tuntutannya untuk mendapatkan kenaikan gaji purata \$120 seorang bagi kira-kira 10,000 orang ahlinya tidak dipenuhi.

masalah itu mengadakan rundingan dan merujukannya kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat supaya satu persetujuan bersama dicapai.

Ketika mengemukakan tuntutan TWU di Ipoh, Encik David berkata pelaksanaannya hendaklah bermula 1 Julai. Ia melibatkan 150 buah syarikat bas.

Sambil mensifatkan cadangan TWU itu sebagai satu ancaman kepada seluruh negara, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah bahawa tindakan seperti itu akan menjejaskan orang ramai dari kemudahan pengangkutan yang secara langsung boleh menimbulkan berbagai implikasi buruk kepada negara.

Bercakap kepada para pemberita di Bangunan Parlimen selepas merasmikan seminar ahli Parlimen Australasia-Pasifik, beliau mengangap ancaman itu ditujukan kepada orang ramai kerana mereka yang akan mengalami kesulitan sekiranya tindakan itu dilaksanakan.

Hadapi tekanan

"Ini kerana bukan syarikat-syarikat bas yang membayar bagi penyelenggaraan bas-bas tetapi orang ramai yang memainkan peranan itu," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa syarikat-syarikat bas telah menghadapi tekanan hebat akibat kenaikan harga minyak dan menuntut kenaikan harga tambang.

Menurutnya, tuntutan itu adalah berdasarkan kepada kenaikan gaji kakitangan kerajaan pada bulan Julai lalu yang secara langsung menimbulkan beban inflasi kepada pekerja sektor swasta.

Encik David mengingatkan syarikat-syarikat bas jangan memandang ringan perkara itu kerana ia adalah periuk nasi para pekerja.

Bagaimanapun, Presiden Persatuan Pengusaha Pengangkutan Jalan Malaya, Encik Lim Pee Hung mensifatkan tuntutan

"Tetapi kerajaan tidak pun mengancam untuk menutup syarikat-syarikat bas ekoran dari tuntutan mereka," tambahnya.

Malah kerajaan menutunya telah pun mengkaji tuntutan oleh syarikat-syarikat bas dan mencapai satu keputusan, tetapi sekiranya mereka tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat mereka boleh mengemukakan hal itu kepada Kementerian berkenaan.

"Begitu juga halnya dengan tuntutan para pekerja bas, sekiranya mereka memberi alasan-alasan yang boleh diterima, pihak kerajaan sedia memberi pertimbangan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri lalu menyeru pihak-pihak terlibat dalam

oleh kesatuan pekerja pengangkutan itu sebagai tidak menasabah dan berkata kenaikan gaji para pekerja bas hanya dapat diberikan sejajar dengan kenaikan harga tambang yang diluluskan oleh kerajaan.

Sementara itu, Encik David ketika dihubungi petang ini, untuk mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri melahirkan harapan agar kerajaan bersedia untuk menemui kesatuan itu "supaya penerangan yang jelas dapat diberikan kepada kerajaan mengenai tuntutan itu."